

LATAR BELAKANG

Menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002, setiap anggota yang dilantik ke perkhidmatan awam dikehendaki melalui tempoh percubaan antara 1 hingga 3 tahun. Syarat tempoh percubaan ini digunapakai juga kepada anggota yang dilantik melalui kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL).



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pejabat
Pendaftar
UTM
Kuala Lumpur

PENGESAHAN JAWATAN

inovatif · entrepreneurial · global

Pejabat Pendaftar
(BAHAGIAN PENGURUSAN MODAL INSAN)

Universiti Teknologi Malaysia
54100 Kuala Lumpur

Tel: 03-26154830
Fax: 03-26934344

Website : registrar.utm.my/kualalumpur/

Pejabat Pendaftar

Bahagian Pengurusan Modal Insan

Pengesahan Jawatan

Syarat Pengesahan Jawatan Yang Ditetapkan Oleh Universiti :-

- * Memenuhi tempoh percubaan satu tahun hingga tiga tahun;
- * Hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda (PTM);
- * Lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan (jika berkenaan);
- * Hadir dengan jayanya Sijil Pengajaran Pengajian Tinggi (SPPT) - Staf Akademik
- * Mempunyai purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 80 peratus ke atas; dan
- * Diperakukan oleh Ketua Jabatan

Beberapa tarikh boleh digunakan oleh ketua Jabatan sebagai tarikh kuatkuasa Pengesahan Jawatan seseorang staf itu ialah :-

- Tarikh lulus Program Transformasi Minda (jika tiada mensyaratkan lulus peperiksaan perkhidmatan); atau
- Tarikh lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan yang mana terkemudian (bagi yang disyaratkan lulus peperiksaan). Jika staf berkenaan telah lulus di dalam kesemua kertas peperiksaan yang sama, maka tarikh kuatkuasa pengesahan jawatannya ialah pada tarikh menduduki peperiksaan pada hari pertama.
- Mengikut tarikh genap perkhidmatan sekurang-kurangnya satu tahun setengah (jika syarat (i) atau (ii) telah dipenuhi); atau
- Tarikh seperti yang ditetapkan oleh Jawatan kuasa Pemilih berkenaan.

Prosedur Pengesahan Jawatan

- ◆ Perakuan Pengesahan Jawatan hendaklah menggunakan Borang Perakuan Pengesahan Dalam Jawatan/Lanjutan Tempoh Percubaan/ Penamatan Perkhidmatan dan Jadual pengesahan yang boleh didapati di laman web Pejabat Pendaftar; <http://registrar.utm.my/hcm/publication/borang-borang/>.
- ◆ Borang yang telah lengkap hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pengurusan Modal Insan, Pejabat Pendaftar untuk diluluskan.
- ◆ Surat pemakluman pengesahan jawatan akan dikemukakan kepada staf melalui Ketua Jabatan setelah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih.

Bagi staf yang belum memenuhi syarat pengesahan, tempoh percubaan hanya boleh dilanjutkan tidak melebihi 2 tahun. Pelanjutan kali pertama untuk tempoh setahun dan setahun lagi bagi pelanjutan kali kedua jika perlu. Tempoh percubaan boleh dilanjutkan melebihi 2 tahun tertakluk kepada budi bicara pihak berkuasa melantik.

Perkara-Perkara Yang Menyebabkan Pelanjutan Tempoh Percubaan

- i. Prestasi perkhidmatannya masih belum memuaskan; atau
- ii. Belum lulus peperiksaan perkhidmatan sebagaimana yang disyaratkan dalam Skim Perkhidmatan; atau
- iii. Belum hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan.
- iv. Melanjutkan pengajian di peringkat PhD (Staf Akademik)

Prosedur Pelanjutan Tempoh Percubaan

- i. Perakuan Pelanjutan Tempoh Percubaan hendaklah menggunakan Borang Perakuan Pengesahan Dalam Jawatan/Lanjutan Tempoh Percubaan/ Penamatan Perkhidmatan dan Jadual pelanjutan tempoh yang boleh dicapai di laman web Pejabat Pendaftar;
- ii. Borang yang telah lengkap hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pengurusan Modal Insan, Pejabat Pendaftar untuk diluluskan.
- iii. Surat pemakluman perlanjutan tempoh percubaan (berdenda/tidak berdenda) akan dikemukakan kepada staf melalui Ketua Jabatan setelah Jawatankuasa Pemilih meluluskan perakuan pelanjutan tempoh percubaan.

Kesan Terhadap Pelanjutan Tempoh Percubaan

- i. Hilang kekananan sepanjang tempoh pelanjutan.
- ii. Tiada pergerakan gaji tahunan semasa tempoh pelanjutan percubaan dengan berdenda.

Senarai Semak

Proses Pengesahan Jawatan

Staf

- i. Memenuhi tempoh percubaan satu setengah tahun hingga tiga tahun;
- ii. Hadir dengan jayanya Kursus Induksi;
- iii. Lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan (jika berkenaan);
- iv. Mendapat purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 80 peratus ke atas; dan
- v. Telah mendaftar pengajian di peringkat PhD (bagi staf akademik)

Pengurusan Sumber Manusia, Fakulti/Bahagian

- i. Kemukakan Borang Perakuan Pengesahan Dalam Jawatan/Lanjutan Tempoh Percubaan/ Penamatan Perkhidmatan kepada Ketua Jabatan untuk perakuan
- ii. Kemukakan boring yang telah ditandatangani oleh Ketua Jabatan ke Bahagian Pengurusan Modal Insan, pejabat Pendaftar

Bahagian Pengurusan Modal Insan, Pejabat Pendaftar

- i. Kemukakan Borang Perakuan Pengesahan Dalam Jawatan/Lanjutan Tempoh Percubaan/ Penamatan Perkhidmatan yang diterima dari fakulti/bahagian ke Jawatankuasa Pemilih untuk perakuan.
- ii. Mengeluarkan surat pengesahan jawatan/pelanjutan tempoh percubaan kepada staf.